Headline	SME Corp optimis lepasi RM555j		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Nov 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	213 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,629		

SME Corp optimis lepasi RM555j

KUALA LUMPUR 16 Nov. – SME Corp. Malaysia optimis untuk merekodkan nilai transaksi jualan melebihi sasaran asal RM555 juta pada Pameran Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana 2017 (SMIDEX 2017).

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafsah Hashim berkata, keyakinan itu berdasarkan kepada catatan jualan dan pemadanan perniagaan bernilai RM195 juta semalam, iaitu hari pertama pameran.

"Pada tahun lepas, SME Corp berjaya memecahkan rekod dengan mencapai sasaran RM529 juta nilai transaksi dan pada tahun ini, kami menyasarkan lebih daripada RM555 juta secara keseluruhan.

"SME Corp yakin dapat mencatatkan lebih daripada RM400 juta nilai jualan dan pemadanan perniagaan pada hari kedua (hari ini) dan terakhir esok," katanya ketika ditemui pada SMIDEX 2017 di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut hadir melancarkan SMIDEX 2017, berlangsung selama tiga hari hingga esok di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

SMIDEX kali ke-20 itu disertai lebih 400 pempamer daripada pelbagai perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat multinasional (MNC), badan kerajaan, agensi tempatan dan antarabangsa.

Bertemakan 'Menerajui Perubahan, Meningkatkan Manfaat', SMIDEX 2017 membantu PKS meningkatkan daya tahan dan saing dalam menghadapi pelbagai cabaran perubahan persekitaran ekonomi semasa.

Sebanyak 26 buah syarikat peneraju turut serta dalam pameran antaranya Tesco, Mydin, Lulu Hypermarket, Celcom, Digi, MRT Corp, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Maybank dan Pos Malaysia.

Hafsah berkata, SMIDEX 2017 menumpukan kepada usaha untuk mempersiapkan PKS ke arah trend mega, revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0) dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

"SME Corp yakin dapat mencatatkan lebih daripada RM400 juta nilai jualan dan pemadanan perniagaan pada hari kedua (hari ini) dan terakhir esok."

HAFSAH HASHIM
Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp

Powered by: iSENTIA